



## JURNAL LINGUISTIK Vol. 30 (1) Mei 2026 (152-164)

### Pengaruh Penggunaan Bahasa Rojak dalam Komunikasi Sosial melalui Aplikasi Telegram

<sup>1</sup>Amirtham A/P Harikrisnan, <sup>2</sup>Salinah Jaafar, & <sup>3</sup>Mardian Shah Omar

<sup>1</sup>[amirthamteacher@gmail.com](mailto:amirthamteacher@gmail.com), <sup>2</sup>[b1salina@um.edu.my](mailto:b1salina@um.edu.my) & <sup>3</sup>[mardianso@um.edu.my](mailto:mardianso@um.edu.my)

<sup>1,2,3</sup> *Akademi Pengajian Melayu,  
Universiti Malaya.*

Tarikh terima : 30 Mac 2026

*Received*

Terima untuk diterbitkan : 12 Mei 2026

*Accepted*

Tarikh terbit dalam talian : 31 Mei 2026

*Published online*

#### Abstrak

Bahasa rojak aktif penggunaannya dalam kalangan guru di komunikasi digital seperti Telegram. Warga sekolah terutamanya para guru bertanggungjawab dalam berlakunya bahasa rojak dalam bahasa Melayu. Warga sekolah cenderung mencampur aduk bahasa Inggeris dengan bahasa Melayu, fenomena yang dikenali sebagai bahasa rojak. Sehubungan dengan itu makalah ini memfokuskan kepada fenomena linguistik yang menjadi dasar pembentukan penggunaan bahasa Inggeris di Telegram. Objektif kajian ialah mengenal pasti penggunaan bahasa Inggeris dan membincangkan fenomena linguistik yang terdapat dalam teks perbualan Telegram. Kajian ini menggunakan pendekatan sosiolinguistik untuk menganalisis makna kata yang digunakan dalam komunikasi tersebut, serta mengaitkan makna perkataan dengan situasi perbualan dalam Telegram. Data diperoleh daripada analisis perbualan dalam Telegram dari sekolah menengah di daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan. Kajian ini akan menggunakan reka bentuk kualitatif dan pengkategorian bahasa perbualan oleh Dell Hymes melalui teori model Speaking (1985), melalui kaedah analisis terhadap teks perbualan Telegram. Hasil kajian mendapati berlakunya penggunaan bahasa Inggeris menyebabkan bahasa Melayu menjadi bahasa rojak. Walaupun timbul masalah bahasa rojak, namun warga sekolah didapati cenderung menggunakan bahasa Inggeris apabila menghantar teks maklumat. Fenomena sedemikian menggambarkan bahawa warga sekolah aktif menggunakan bahasa Inggeris atau lebih dikenali sebagai bahasa rojak dengan bahasa Melayu. Perkara ini secara langsung membawa kepada fenomena linguistik.

**Kata kunci:** Analisis sosiolinguistik, bahasa rojak, komunikasi sosial, aplikasi Telegram.

#### *The Influence of “Bahasa Rojak” Usage in Social Communication via Telegram*

#### Abstract

*The widespread use of ‘bahasa rojak’ has become increasingly prevalent in digital communication platforms, particularly within educational communities using applications such as Telegram. Teachers, as members of the school community, play a significant role in shaping this linguistic phenomenon through the frequent integration of English elements into Malay discourse. This practice has contributed to the emergence of hybrid linguistic forms commonly referred to as ‘bahasa rojak’. Accordingly, this study examines the phenomenon of language mixing in Telegram communication among secondary school teachers. The objectives of the study are to identify the forms of language mixing employed and to analyse the linguistic features manifested in Telegram conversational texts. This research adopts a sociolinguistic perspective to investigate the forms, meanings, and contextual functions of mixed-language expressions used in digital interactions. The data were collected from*

*Telegram conversations among secondary school communities in the district of Hulu Langat, Selangor, Malaysia. Employing a qualitative research design, the study applies Dell Hymes' ethnography of communication framework, particularly the SPEAKING model, to categorise and interpret patterns of communication. Data analysis was conducted through textual examination of Telegram exchanges. The findings reveal that the incorporation of English into Malay communication contributes significantly to the proliferation of 'bahasa rojak', which may indirectly affect the integrity and standardisation of the Malay language. Nevertheless, teachers were found to employ English lexical items extensively, particularly in the dissemination of informational and administrative messages, due to considerations of efficiency, familiarity, and communicative practicality. The study demonstrates that language mixing has become a common communicative strategy within digital educational environments and reflects an evolving linguistic phenomenon in contemporary Malay-mediated online interaction.*

**Keywords:** Sociolinguistics, mixed language (bahasa rojak), social communication, Telegram application.

## 1. Pengenalan

Zaman teknologi maklumat dan komunikasi sosial menampakkan perubahan dari segi kaedah dan penggunaan bahasa Melayu. Hal ini kerana perkembangan teknologi telah membawa kepada pelbagai kemunculan aplikasi seperti Telegram yang menjadi pilihan utama pengguna media sosial digunakan sebagai saluran menghantar maklumat, hiburan, untuk berkomunikasi serta mempermudah urusan untuk tujuan pendidikan. Akibat komunikasi dalam media sosial, ada kalanya boleh merosakkan mutu bahasa Melayu, Awang Sariyan (2021). Penggunaan bahasa yang tidak terkawal dari aspek aturan bahasa dan tatasusila menyebabkan mutu bahasa Melayu merosot. Beliau turut menegaskan bahawa sebahagian pengendali media massa dan media digital dilihat semakin ghairah bersaing untuk meraih perhatian serta populariti khalayak sehingga sanggup mengutamakan penggunaan bahasa yang dianggap “mesra pengguna”, namun secara tidak langsung menghakis keindahan, ketertiban dan kesantunan bahasa Melayu baku. Dalam konteks yang sama, pencampuradukan bahasa Melayu dengan bahasa Inggeris dalam penulisan dan komunikasi, termasuk menerusi medium media sosial seperti Telegram, semakin berleluasa dan lazim dikenali sebagai bahasa rojak. Fenomena ini dianggap membimbangkan kerana penggunaan bahasa rojak bukan sahaja mencemarkan mutu bahasa, malah melanggar peraturan kebahasaan dari aspek ejaan, sebutan, peristilahan, perbendaharaan kata, laras bahasa, kosa kata dan tatabahasa yang telah ditetapkan.

Selain itu, Saidatul Khatijah Binti Ismail (2021), yang membincangkan mengenai bahasa rojak dalam kalangan pelajar Asasi Komunikasi, Pusat Matrikulasi. Beliau mengkaji penggunaan bahasa rojak yang digunakan oleh pelajar berdasarkan teori relevan, dengan menggunakan andaian tentang dunia yang dibina secara psikologi oleh pendengar. Dalam hal ini, bahasa Melayu dianggap menjadi bahasa matriks manakala bahasa Inggeris disisipkan dikenali sebagai bahasa sisipan. Oleh sebab bahasa Inggeris merupakan bahasa kedua, maka kod-kod daripada bahasa Inggeris akan timbul dengan sendirinya dalam pertuturan individu. Selain itu kajian Mohd Syuhaidi Abu Bakar dan Aliffluqman Mohd Mazzalan (2018), turut membincangkan mengenai aliran pertuturan bahasa rojak dalam kalangan pengguna Facebook di Malaysia. Begitu juga kajian Supyan Hussain (2011), yang turut membincangkan mengenai isu SMS dan korpus bahasa SMS merupakan antara kreativiti dan ancaman kepada bahasa Melayu.

Muhammad Aiman bin Abd. Aziz (2024), meneliti implikasi penggunaan variasi bahasa Melayu dalam media sosial terhadap bahasa Melayu. Beliau mendapati variasi bahasa atau kelainan bahasa dalam penggunaan bahasa Melayu seperti penggunaan campur kod dan alih kod, singkatan serta slanga dilihat sangat ketara dalam media sosial. Faktor kewujudan kelainan bahasa adalah disebabkan oleh perbezaan latar belakang pendidikan, jenis pekerjaan dan kedudukan sosioekonomi penutur. Fenomena seperti ini menyebabkan kualiti keaslian bahasa Melayu terjejas. Menurut Perisamy (2022), sikap segelintir pihak yang memperlekehkan bahasa kebangsaan telah membawa natijah buruk terhadap bahasa Melayu. Jika penggunaan Bahasa rojak ini tidak dibendung, dikhuatiri penguasaan dan pemahaman pengguna terutama dalam kalangan warga sekolah terhadap sistem nahu bahasa Melayu yang tepat akan terjejas. Banyak kesalahan berbahasa akan berlaku sama ada secara lisan atau tulisan

akibat kekeliruan menggunakan kata, frasa, ayat bahkan ejaan yang betul disebabkan kebiasaan berkomunikasi dengan menggunakan ragam bahasa yang tidak tepat termasuk bahasa rojak.

### 1.1 Permasalahan Kajian

Media sosial sememangnya banyak membantu urusan komunikasi kerana sifatnya yang mudah, murah dan pantas. Namun penggunaan bahasa rojak yang tidak dikawal digunakan dalam medium tersebut akan menggugat kedudukan bahasa Melayu sendiri apabila pengguna tidak menitikberatkan penggunaan bahasa yang betul. Isu ini semakin serius apabila media baharu yang popular hingga menjadi saluran komunikasi penting termasuk dalam kalangan guru, pentadbir, ibu bapa dan pelajar. Merujuk kepada pernyataan ini, maka dapat dikaitkan bahawa aplikasi media sosial telah menjadi faktor pendorong utama terhadap penggunaan bahasa Melayu yang bercelaru dan tidak tepat. Apabila berkomunikasi, bahasa yang digunakan dalam medium tersebut kebanyakan adalah bahasa campuran yang jelas menyalahi sistem bahasa yang betul dan tepat. Hidayah et al., (2019) mengatakan bahawa keadaan ini berlaku disebabkan segelintir pihak tidak peka penggunaan bahasa kebangsaan yang betul, menyebabkan identiti bahasa kebangsaan kini kian terhakis akibat penggunaan ragam bahasa yang tidak betul. Maka perlu satu usaha memartabatkan bahasa kebangsaan yang perlu disokong oleh masyarakat, terutama di zaman sains dan teknologi ini.

Muhammad Aiman bin Abd. Aziz (2024), dalam kajiannya jelas menyatakan implikasi penggunaan variasi bahasa Melayu dalam media sosial terhadap bahasa Melayu. Variasi bahasa atau kelainan bahasa dalam penggunaan bahasa Melayu seperti penggunaan campur kod dan alih kod, singkatan serta slanga dilihat sangat ketara dalam media sosial. Faktor kewujudan kelainan bahasa adalah disebabkan oleh perbezaan latar belakang pendidikan, jenis pekerjaan dan kedudukan sosio ekonomi penutur. Fenomena seperti ini menyebabkan kualiti keaslian bahasa Melayu terjejas disebabkan penggunaan bahasa yang pelbagai.

Permasalahan kajian ini berpunca daripada semakin berleluasanya penggunaan bahasa yang tidak gramatis dalam komunikasi harian, khususnya dalam kalangan generasi Z yang dikenali sebagai *i-Generation* atau generasi internet. Fenomena modenisasi bahasa telah mendorong kemunculan pelbagai bentuk bahasa seperti bahasa rojak, bahasa slanga, singkatan dan penggunaan perkataan baharu yang semakin menular dalam komunikasi digital. Keadaan ini menyebabkan berlakunya percampuran kod antara bahasa Melayu dan bahasa Inggeris sehingga menghasilkan bentuk bahasa yang menyimpang daripada sistem tatabahasa Melayu standard.

Selain itu, penggunaan bahasa campuran secara berterusan dikhuatiri akan menjejaskan ketulinan, kegramatisan dan martabat bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan. Fenomena ini juga memperlihatkan kecenderungan masyarakat, khususnya generasi muda, untuk mengutamakan kemudahan dan kepantasan komunikasi berbanding pematuhan terhadap aspek linguistik yang betul. Sekiranya keadaan ini tidak dibendung, penggunaan bahasa rojak dalam media sosial dan platform komunikasi digital berpotensi menjadi norma dalam masyarakat, sekali gus melemahkan penguasaan bahasa Melayu baku dalam kalangan pengguna bahasa.

### 1.2 Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah untuk:

- i. Mengenal pasti penggunaan bahasa rojak dalam hantaran teks yang terdapat dalam Telegram.
- ii. Membincangkan ciri-ciri umum fenomena linguistik bahasa rojak dalam aplikasi Telegram.

## 2. Sorotan Literatur

Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negara memainkan peranan yang amat penting dalam pembinaan identiti nasional, penyatuan masyarakat serta pengukuhan tamadun bangsa. Namun demikian, arus globalisasi, perkembangan teknologi digital dan ledakan media sosial telah membawa perubahan yang ketara terhadap corak penggunaan bahasa dalam kalangan masyarakat.

Fenomena penggunaan bahasa campuran atau lebih dikenali sebagai bahasa rojak semakin meluas dalam komunikasi harian, khususnya dalam medium komunikasi digital seperti Telegram, WhatsApp dan media sosial yang lain. Fenomena ini bukan sahaja melibatkan masyarakat umum dan generasi muda, malah turut meresap ke dalam lingkungan institusi pendidikan dan komuniti sekolah.

Kajian-kajian terdahulu menunjukkan bahawa penggunaan bahasa rojak semakin membimbangkan kerana berupaya menjejaskan kegramatisan serta kedudukan bahasa Melayu standard. Kajian Amir Rashad Mustaffa (2023), misalnya, menegaskan bahawa penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan generasi muda semakin merosot, khususnya dalam kalangan masyarakat bandar yang lebih cenderung menggunakan bahasa campuran dalam komunikasi harian. Fenomena ini dilihat sebagai suatu cabaran besar terhadap usaha memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu dan bahasa kebangsaan.

Selain itu, Saidatul Khatijah Binti Ismail (2021) turut membincangkan penggunaan bahasa rojak dalam kalangan pelajar Asasi Komunikasi dengan meneliti unsur campur kod antara bahasa Melayu dan bahasa Inggeris. Kajian tersebut memperlihatkan bahawa bahasa Melayu berfungsi sebagai bahasa matriks manakala bahasa Inggeris digunakan sebagai bahasa sisipan dalam komunikasi. Situasi ini berlaku secara spontan kerana bahasa Inggeris telah menjadi bahasa kedua yang lazim digunakan dalam interaksi harian masyarakat, khususnya dalam ruang komunikasi digital.

Dalam konteks pembangunan negara pula, Jessica Ong Hai Liaw (2024) menjelaskan bahawa era Malaysia MADANI dan Dasar Pendidikan Digital menuntut masyarakat yang celik digital serta beretika dalam penggunaan teknologi komunikasi. Pendigitalan yang pesat telah membuka ruang komunikasi tanpa sempadan, namun pada masa yang sama turut membawa cabaran terhadap pemeliharaan bahasa Melayu yang santun dan teratur. Oleh itu, penggunaan bahasa dalam media digital perlu diberi perhatian agar perkembangan teknologi tidak menghakis nilai dan identiti bahasa kebangsaan.

Selanjutnya, Osman Zaini (2023) menegaskan bahawa keunggulan sesuatu tamadun berkait rapat dengan martabat bahasa yang digunakan oleh masyarakatnya. Bahasa Melayu yang pernah menjadi lingua franca dan bahasa tamadun unggul di Nusantara perlu terus diperkasakan agar tidak terpinggir akibat pengaruh globalisasi dan liberalisasi bahasa. Dalam hal ini, usaha mempertahankan kelestarian bahasa Melayu memerlukan kesedaran serta tanggungjawab bersama seluruh masyarakat tanpa mengira latar belakang sosial dan pendidikan.

Anwar Ridhwan (2024) pula menekankan bahawa generasi muda, khususnya pelajar, perlu menggunakan bahasa Melayu yang betul dan tidak mudah terpengaruh dengan budaya bahasa media sosial yang sarat dengan bahasa campuran atau bahasa rojak. Penggunaan bahasa rojak secara berleluasa dikhuatiri akan merosakkan sistem bahasa Melayu dan menghakis rasa bangga terhadap bahasa kebangsaan. Seiring dengan itu, Muhammad Aiman bin Aziz (2024) turut menjelaskan bahawa media sosial telah memperlihatkan penggunaan variasi bahasa yang semakin ketara, termasuk campur kod, alih kod, slanga dan singkatan bahasa. Variasi bahasa tersebut dipengaruhi oleh faktor pendidikan, pekerjaan dan kedudukan sosioekonomi penutur dalam komunikasi maya.

Walaupun pelbagai kajian berkaitan bahasa rojak dan variasi bahasa dalam media sosial telah dijalankan, kebanyakan kajian terdahulu lebih memfokuskan golongan pelajar, generasi muda dan masyarakat umum sebagai sampel kajian. Namun demikian, masih terdapat kelompondan kajian yang meneliti penggunaan bahasa rojak dalam komunikasi digital melibatkan warga sekolah, khususnya para guru yang menggunakan aplikasi Telegram sebagai medium komunikasi rasmi dan harian. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk meneliti penggunaan bahasa rojak dalam komunikasi Telegram dalam kalangan warga sekolah menengah di daerah Hulu Langat, Selangor, sekali gus mengisi jurang penyelidikan yang masih kurang diberi perhatian dalam bidang sociolinguistik dan komunikasi digital.

### **3. Metodologi**

Metodologi kajian ini dirangka secara sistematik berasaskan pendekatan kualitatif dengan menggunakan reka bentuk kajian tinjauan. Pendekatan kualitatif dipilih kerana kajian ini bertujuan meneliti fenomena penggunaan bahasa rojak dalam komunikasi digital secara mendalam melalui

penghuraian deskriptif terhadap data bahasa yang diperoleh. Kajian ini tidak melibatkan analisis statistik atau data berbentuk numerikal, sebaliknya memberi penekanan terhadap interpretasi makna, bentuk bahasa dan fenomena linguistik yang wujud dalam komunikasi pengguna Telegram.

Dalam usaha memperoleh data yang relevan dan autentik, kajian ini menggunakan dua kaedah utama pengumpulan data, iaitu kaedah pemerhatian dan kaedah kepustakaan. Kaedah pemerhatian dilaksanakan dengan meneliti serta merekod data teks komunikasi dalam aplikasi Telegram yang digunakan oleh warga sekolah menengah di daerah Hulu Langat, Selangor. Pemerhatian ini memfokuskan penggunaan bahasa Melayu dalam komunikasi harian, khususnya aspek penggunaan bahasa rojak yang melibatkan pencampuran bahasa Melayu dan bahasa Inggeris. Data komunikasi yang diperoleh dianalisis berdasarkan konteks penggunaan bahasa dalam interaksi digital antara warga sekolah.

Selain itu, kaedah kepustakaan digunakan bagi memperkukuh landasan teori dan konseptual kajian. Pengkaji merujuk pelbagai sumber bertulis sama ada bercetak mahupun dalam talian seperti buku akademik, artikel ilmiah, jurnal, tesis, disertasi dan dokumen berkaitan bidang sosiolinguistik, komunikasi digital serta fenomena bahasa rojak. Kaedah ini penting untuk mengenal pasti kelompongan kajian, membina objektif penyelidikan dan menyokong analisis terhadap data yang diperoleh.

Instrumen utama kajian ini ialah data teks penghantaran mesej Telegram yang dihasilkan oleh warga sekolah menengah di daerah Hulu Langat. Data dipilih secara rawak daripada kumpulan komunikasi Telegram yang digunakan dalam urusan rasmi dan komunikasi harian sekolah. Pemilihan data ini bertujuan mengenal pasti bentuk penggunaan bahasa rojak serta meneliti fenomena linguistik yang wujud dalam komunikasi digital tersebut. Antara fenomena linguistik yang dikenal pasti termasuklah percampuran kod (*code-mixing*), peralihan kod (*code-switching*), peminjaman kata, penggunaan kata hubung campuran serta pelanggaran hukum tatabahasa bahasa Melayu standard.

Data yang telah dikenal pasti kemudiannya dianalisis secara deskriptif bagi menjawab objektif kajian. Proses analisis dilakukan dengan mengelaskan data mengikut bentuk penggunaan bahasa dan fungsi komunikatifnya. Seterusnya, data dianalisis menggunakan kerangka *Ethnography of Communication* yang diperkenalkan oleh Dell Hymes, khususnya melalui model SPEAKING (1985). Model ini digunakan bagi mengkategorikan unsur komunikasi berdasarkan konteks interaksi, peserta, tujuan komunikasi, bentuk bahasa dan situasi penggunaan bahasa dalam aplikasi Telegram. Pendekatan ini membolehkan fenomena bahasa rojak dianalisis secara lebih sistematik, kontekstual dan berasaskan perspektif sosiolinguistik.

### 3.1 Kerangka Pengkategorian Dell Hymes (1985)

Dell Hymes (1985) menegaskan bahawa bahasa bukan sekadar medium penyampaian maklumat, malah merupakan manifestasi budaya sosial yang mencerminkan hubungan, nilai dan konteks masyarakat penuturnya. Menurut beliau, setiap bentuk komunikasi yang berlaku antara penutur dan pendengar berkait rapat dengan peristiwa bahasa yang hadir dalam sesuatu situasi sosial tertentu. Oleh itu, sesuatu ujaran tidak boleh ditafsirkan hanya berdasarkan struktur bahasa semata-mata, sebaliknya perlu difahami melalui konteks sosial, budaya dan situasi komunikasi yang melatarinya.

Bagi menjelaskan proses komunikasi secara lebih sistematik, Dell Hymes (1985) telah memperkenalkan kerangka analisis yang dikenali sebagai model *SPEAKING*. Model ini merupakan akronim bagi beberapa komponen utama dalam komunikasi yang digunakan untuk menganalisis sesuatu peristiwa bahasa secara menyeluruh. Setiap huruf dalam akronim *SPEAKING* mewakili unsur tertentu yang membentuk sesuatu interaksi komunikasi, termasuk latar komunikasi, peserta, tujuan, bentuk mesej, nada pertuturan dan norma interaksi. Dalam kajian ini, teori *Ethnography of Communication* oleh Dell Hymes (1985) diaplikasikan melalui penggunaan model *SPEAKING* bagi menganalisis fenomena penggunaan bahasa rojak dalam komunikasi Telegram warga sekolah menengah. Model ini digunakan untuk mengenal pasti konteks komunikasi, bentuk penggunaan bahasa, fungsi pertuturan serta fenomena linguistik yang berlaku dalam interaksi digital tersebut.

**Jadual 1***Model Speaking Dell Hymes*

S	Situation	Setting berkenaan dengan waktu dan tempat tutur berlangsung	1.Pengetua, guru-guru (pentadbiran).
P	Participants	Merujuk pada pihak yang terlibat dalam pertuturan, penutur dan pendengar .	Individu dan fungsi individu (penggunaan gaya bahasa yang berbeza digunakan bila bertutur)
E	Ends	Merujuk kepada maksud dan tujuan pertuturan/perbualan itu berlaku.	Peristiwa tutur yang terjadi untuk menyelesaikan / membuktikan sesuatu perkara.
A	Act Sequences	Merujuk pada bentuk perbualan dan maksud penyampaian perbualan dengan kata yang digunakan,dan bagaimana penggunaannya	Bentuk dan isi perbualan dalam kuliah umum, percakapan biasa dan dalam pesta berbeza.
K	Key	Merujuk kepada nada, cara dan semangat dimana sesuatu perbualan itu berlaku.	Dengan senang hati, dengan serius, sombong, mengejek.
I	Instrumentalities	Merujuk kepada bentuk bahasa dan kod/cara perbualan yang digunakan.	Bentuk tulisan, lisan, melalui telegram atau telepon, bahasa dialek, sms.
N	Norms	Merujuk kepada norma atau peraturan dalam berinteraksi dan juga pentafsiran perbualan dari kedua pihak.	Berhubungan dengan cara berinteraksi, cara bertanya dan sebagainya.
G	Genres	Merujuk kepada jenis bentuk penyampaian.	Bentuk sajak, puisi, pepatah, doa dan sebagainya.

**4. Dapatan dan Perbincangan****4.1 Peristiwa Bahasa Dalam Teks Perbualan Telegram**

Bahagian ini membincangkan analisis data berdasarkan kedua-dua objektif kajian yang telah ditetapkan, iaitu: (i) mengenal pasti penggunaan bahasa rojak dalam hantaran teks menerusi aplikasi Telegram, dan (ii) membincangkan ciri-ciri umum fenomena linguistik bahasa rojak yang wujud dalam komunikasi tersebut. Perbincangan dan analisis data dilakukan secara sistematik selaras dengan objektif kajian bagi memperlihatkan bentuk penggunaan bahasa rojak serta fenomena linguistik yang berlaku dalam komunikasi digital warga sekolah.

Kajian ini mengaplikasikan teori *Ethnography of Communication* yang diperkenalkan oleh Dell Hymes (1985) melalui penggunaan model *SPEAKING* sebagai kerangka analisis utama. Sehubungan dengan itu, model *SPEAKING* digunakan dalam kajian ini bagi menganalisis penggunaan bahasa rojak dalam komunikasi Telegram secara lebih teratur dan kontekstual. Melalui kerangka ini, data komunikasi yang diperoleh dapat diteliti berdasarkan unsur latar komunikasi, peserta, tujuan komunikasi, bentuk mesej, penggunaan variasi bahasa serta norma interaksi yang berlaku dalam kalangan warga sekolah menengah di daerah Hulu Langat. Pendekatan ini membolehkan fenomena bahasa rojak dianalisis secara lebih menyeluruh dari sudut sosiolinguistik dan komunikasi digital.

## a. Pengaruh Penggunaan Bahasa Inggeris ‘Bahasa Rojak’.

### i. S-Situation- Situasi

**Jadual 2**

*Bahasa Inggeris – Makna / kata sebenarnya dalam Bahasa Melayu (Situation)*

S	Situation/ Situasi	Merujuk kepada situasi tempat dan waktu atau situasi perbualan itu berlaku.	
Responden	Bahasa Inggeris		
	Assalamualaikum dan salam sejahtera Makluman kepada semua JPN,PPD <b>and</b> sekolah KPM Admin KPM bagi sistem eOperasi telah membuat <b>tagging</b> bagi cuti murid, surat amaran 1,2,3...dan murid bermasalah kehadiran,... bermula 18-31 Mac 2025 , 1-14 April 2025 and 15-28 April 2025 Sehubungan dgn itu, pihak sekolah perlu mengemaskini kehadiran murid dalam sistem Kehadiran Murid APDM bagi tempoh tersebut. <b>TQVM.</b>		
Responden	<b>Bahasa Inggeris</b>	<b>Bahasa Melayu</b>	
	And, Tagging, Tqvm	Dan, Penandaan, Terima kasih banyak-banyak	
Situasi	Situasi perbualan merupakan makluman rasmi.		

Analisis data menunjukkan bahawa penggunaan perkataan bahasa Inggeris seperti *and*, *tagging* dan *tqvm* lebih dominan dan dicampuradukkan dengan bahasa Melayu dalam penghantaran teks tersebut. Situasi ini memperlihatkan berlakunya fenomena percampuran kod (*code-mixing*), iaitu pencampuran unsur bahasa Melayu dan bahasa Inggeris dalam satu bentuk komunikasi. Keadaan sedemikian jelas menunjukkan bahawa medium Telegram menjadi ruang penggunaan bahasa campuran atau lebih dikenali sebagai bahasa rojak dalam komunikasi harian warga sekolah.

Fenomena ini berlaku disebabkan oleh faktor latar belakang pengguna bahasa yang terdedah kepada penggunaan dwibahasa atau pelbagai bahasa dalam kehidupan seharian. Pengaruh komunikasi digital, persekitaran sosial serta kebiasaan menggunakan bahasa Inggeris dalam media sosial turut menjadi faktor yang mendorong berlakunya percampuran kod dalam komunikasi. Dalam kajian ini, majoriti pengguna Telegram yang terlibat terdiri daripada golongan guru muda yang lebih terdedah kepada budaya komunikasi digital dan penggunaan bahasa campuran. Oleh itu, kecenderungan untuk menggabungkan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris dalam penghantaran teks menjadi suatu amalan komunikasi yang lazim dalam medium tersebut.

### ii. P-Participans-Peserta

**Jadual 3**

*Bahasa Inggeris- Makna / kata sebenarnya dalam Bahasa Melayu (Participant)*

P	<b>Participants</b> (peserta)	Merujuk pada pihak yang terlibat dalam pertuturan, penutur dan pendengar .
<b>Responden</b>	Bahasa Inggeris	

	<p>Assalamualaikum dan selamat sejahtera Makluman awal kepada semua guru Kita akan mengadakan HARI KONSULTASI BERSAMA IBU BAPA pada hari JUMAAT, 23 May 2025.</p> <p>i. <b>Class</b> Peralihan. Ting. 1, 2 dan 3 kita akan menyerahkan Slip PBD Pertengahan Tahun kepada ibu bapa. Manakala keputusan Ujian Pertengahan Sesi Akademik kita akan tunjukkan markah murid-murid melalui "<b>Mark sheet</b>".</p> <p>ii. Untuk Tingkatan 4 dan 5 kita akan bagi slip PBD Pertengahan Tahun dan Slip Peperiksaan Pertengahan Tahun.</p> <p>iii. Mohon guru kelas kemaskini rekod bayaran sumbangan PIBG class masing-masing. Pastikan murid yang telah membuat bayaran telah mendapat <b>payment</b> resit. Guru kelas boleh memaklumkan ibu bapa yang belum membuat bayaran PIBG pada hari berkenaan.</p> <p>TINDAKAN: SU Kurikulum, JK Peperiksaan Dalaman sekolah, JK Pentaksiran PBD, Unit HEM - Sahsiah Murid, Guru class- Sesi Konsultasi bersama ibu bapa, kehadiran murid dan lain- lain yang berkaitan. Mohon semua guru ambil maklum <b>TQVM</b></p>	
<b>Responden</b>	<b>Bahasa Inggeris</b>	<b>Bahasa Melayu</b>
Responden	Class, Payment, Mark sheet, Tqvm	Kelas, Bayaran, Laporan markah, Terima kasih
Participans (peserta)	Pemakluman berlaku di antara pentadbir dan guru.	

Jadual seterusnya merujuk kepada pihak yang terlibat dalam pertuturan. Menurut Dell Hymes (1985), peserta juga mempengaruhi penggunaan gaya bahasa yang berbeza apabila berkomunikasi. Bahasa dalam medium sosial Telegram sekolah merupakan campuran daripada bahasa matriks dan bahasa sisipan. Bahasa Inggeris dikenali sebagai bahasa sisipan kerana hanya disisipkan penggunaannya dalam berkomunikasi oleh penutur seperti class, payment, mark sheet dan tqvm. Jelas bahawa penggunaan bahasa yang tidak gramatis seperti bahasa rojak menyebabkan penukaran kod. Amalan menukar bahasa antara bahasa Inggeris dan bahasa Melayu menjadi strategi komunikasi yang biasa untuk menjelaskan makna dan mengekspresikan diri dengan lebih baik. Peserta guru yang dipilih sebagai intrumen kajian juga merupakan dari i-generasi.

### iii.E-Ends--Tujuan / Maksud

#### Jadual 4

*Bahasa Inggeris- Makna / kata sebenarnya dalam Bahasa Melayu (Ends)*

E	Ends (Tujuan/ Maksud)	Merujuk kepada maksud dan tujuan pertuturan/perbualan itu berlaku.(menyelesaikan / membuktikan sesuatu perkara)
<b>Responden</b>	<b>Bahasa Inggeris</b>	
Responden	<p>Assalamualaikum dan salam mesra Makluman kepada semua guru, Esok akan diadakan program SAYANG ANAKKU SAYANG utk semua murid <b>form 3,4&amp;5</b> Tarikh : 13/05/2025 Masa : 7.30<b>am</b>- 8.40 <b>am</b> ( 2 waktu) Tempat : <b>Hall</b>( murid perempuan ) Dataran Ilmu - murid lelaki. Untuk melancarkan program tersebut diminta semua guru2 berada di tempat yg ditetapkan seperti dibawah :</p>	

	<b>Female teacher's</b> berada bersama murid perempuan di dewan. <b>Man sir's with</b> Cik Wadina, Pn Hidayah, Pn Hartini akan bersama murid lelaki di dataran. guru bertugas di minta mengarahkan murid perempuan terus ke hol utk program tersebut. <b>Tqvm.</b> dan harap maklum.	
	<b>Bahasa Inggeris</b>	<b>Bahasa Melayu</b>
Responden 1	Form, Am, Female teacher's Man sir's, With, Tqvm	Tingkatan, Pagi, Guru perempuan Guru lelaki, Dengan, Terima kasih banyak-banyak
E-Ends maksud	Tujuan penggunaan pemakluman merupakan arahan.	

*Ends* merujuk kepada maksud dan tujuan perbualan ini berlaku. Responden memberi makluman mengenai program 'Sayang Anakku Sayang'. Makluman ini merupakan dalam bentuk arahan. Menurut panduan dan teori Dell Hymes (1985), pelbagai kategori dalam mengaplikasi peristiwa bahasa. Bahasa Inggeris digital di medium sosial seperti Telegram menggunakan gaya bahasa ekspresif dan pantas berubah, contohnya penggunaan istilah popular dalam bahasa Inggeris menjadikannya bahasa campuran. Penggunaan perkataan bahasa Inggeris disisipkan dalam penyampaian maklumat sekolah adalah seperti form, am, female teacher's, man sir's, with dan tqvm. Pengguna Telegram menggunakan perkataan bahasa Inggeris mendominasi perkataan bahasa Inggeris dalam bahasa Melayu.

#### iv. A-Act- Sequences (Bentuk Perbualan)

##### Jadual 5

*Bahasa Inggeris- Makna / kata sebenarnya dalam Bahasa Melayu (Act Sequences)*

A	Act Sequences (Bentuk Perbualan)	Merujuk pada bentuk perbualan dan maksud penyampaian perbualan dengan kata yang digunakan, dan bagaimana penggunaannya.(kuliah, percakapan biasa)	
<b>Responden</b>	<b>Bahasa Inggeris</b> Assalamualaikum WBT Semoga Allah SWT merahmati kita semua Majlis Pengetua Sekolah Malaysia (MPSM) Cawangan Hulu Langat akan mengadakan Majlis Bacaan Yasin <b>and</b> doa mohon Allah SWT memberi kejayaan kpd anak-anak murid <b>form</b> 5 yg bakal menduduki <b>Trial Exam</b> SPM mulai 30 Okt 2024 <b>and</b> Peperiksaan SPM 2025 bertulis pada Januari 2025 seperti butiran dlm poster (hari ini 26.10.2024 jam 8.30 mlm) Dijemput semua anak-anak SPM 2025, Ibu bapa / Penjaga serta guru-guru dapat sama-sama menyertainya SEMOGA KEHADIRAN DAN DOA YG HADIR DIMAKBULKAN ALLAH SWT <b>Tqvm.</b>		
<b>Responden</b>	<b>Bahasa Inggeris</b>	<b>Bahasa Melayu</b>	
Responden	Tingkatan, trial, exam, and, tqvm	Percubaan, peperiksaan, dan Terima kasih banyak-banyak	
Act Sequences	Bentuk dan isi perbualan ialah pemakluman.		

Menurut Dell Hymes (1985), teori model Speaking mengaplikasi lapan kategori dalam peristiwa bahasa. Bentuk dan isi perbualan digunakan dalam peraturan bahasa dalam komunikasi dan jenis penyampaian adalah pemakluman. Majlis Pengetua Sekolah Malaysia (MPSM) Cawangan Hulu Langat akan

mengadakan ‘Majlis Bacaan Yasin dan doa mohon Allah SWT’, memberi kejayaan kepada anak-anak murid tingkatan 5. Dijemput semua anak-anak SPM 2025, Ibu bapa / Penjaga serta guru-guru dapat sama-sama menyertainya. Penggunaan bahasa Inggeris seperti trial-percubaan, exam-peperiksaan, tqvm-terima kasih banyak-banyak digunakan. Bahasa rojak menjadi amalan biasa dalam kalangan guru generasi sekarang. Kepelbagaian bentuk bahasa Inggeris dalam komunikasi sosial ini menunjukkan bahawa bahasa Inggeris bukan sekadar alat komunikasi, tetapi juga alat pembinaan identiti dan perundingan makna dalam interaksi sosial.

#### v. K-Key (Nada, Cara, Semangat)

##### Jadual 6

Bahasa Inggeris- Makna / kata sebenarnya dalam Bahasa Melayu (Key)

K	Key(Nada,cara, Semangat)	Merujuk kepada nada, cara dan semangat dimana sesuatu perbualan itu berlaku.(senang hati, sombong, mengejek)	
<b>Responden</b>		<b>Bahasa Inggeris</b>	
Responden	Assalamualaikum dan Selamat Sejahtera Pengurusan murid sesi pagi, hari ini, Rabu, 9 Ogos 2025 7.30 - 9.50am. - semua murid dan guru berada di dataran perhimpunan untuk - sesi penyampaian hadiah- raptai kejohanan olahraga- tarik tali peringkat akhir 9.50 am - murid <b>form3</b> rehat seperti biasa. Kemudian habis rehat masuk <b>class</b> , mengikuti pdpc , class seperti biasa. - murid form 4 dan 5 masuk ke class seperti biasa, mengikuti pdpc seperti biasa. MOHON SEMUA GURU BERADA DI DATARAN PERHIMPUNAN UNTUK SAMA-SAMA MENGAWAL DISIPLIN MURID. " SEMUA GURU ADALAH GURU DISIPLIN" <b>Tqvm.</b>		
<b>Responden</b>	<b>Bahasa Inggeris</b>	<b>Bahasa Melayu</b>	
Responden	Form, Class, Am,Tqvm	Tingkatan, Kelas, Pagi Terima kasih banyak-banyak	
Key (Nada,cara, Semangat)	Responden memberi arahan kepada guru-guru supaya sama-sama mengawal disiplin murid.(nada serius)		

Komponen *Key* dalam model *SPEAKING* yang diperkenalkan oleh Dell Hymes (1985) merujuk kepada nada, cara, semangat dan gaya sesuatu komunikasi berlangsung. Dalam konteks kajian ini, responden menyampaikan maklumat berkaitan urusan sekolah dengan nada yang serius dan formal, selaras dengan tujuan komunikasi yang bersifat penyampaian maklumat rasmi.

Menurut Dell Hymes (1985), setiap proses komunikasi mempunyai peraturan, tatatertib dan konteks penggunaan bahasa yang tersendiri bergantung pada situasi dan tujuan pertuturan. Walau bagaimanapun, analisis data menunjukkan bahawa dalam komunikasi tersebut terdapat penggunaan unsur peminjaman bahasa Inggeris yang disesuaikan ke dalam bentuk sebutan dan penulisan bahasa Melayu, seperti *form*, *class*, *am* dan *tqvm* dalam teks penghantaran mesej. Penggunaan unsur bahasa asing ini memperlihatkan kecenderungan penutur untuk menggabungkan perkataan bahasa Inggeris dalam struktur ayat bahasa Melayu bagi memudahkan komunikasi dan mempercepat penyampaian maklumat.

Selain itu, fenomena percampuran kod (*code-mixing*) turut jelas berlaku apabila unsur bahasa Inggeris diselitkan secara langsung dalam ayat bahasa Melayu. Situasi ini memperlihatkan bahawa

bahasa rojak telah menjadi suatu bentuk komunikasi yang lazim digunakan dalam medium Telegram, khususnya dalam kalangan pengguna yang terdedah kepada komunikasi digital dan penggunaan dwibahasa dalam kehidupan harian.

#### vi. I-Instrumentalities (Bentuk Bahasa / Kod)

**Jadual 7**

*Bahasa Inggeris - Makna / kata sebenarnya dalam Bahasa Melayu (Instrumentalities)*

I	Instrumentalities(Bentuk bahasa/ kod)	Merujuk kepada bentuk bahasa dan kod/cara perbualan yang digunakan. Bentuk lisan, tulisan, Telegram / Telepon, dialek, SMS.	
Responden	Assalaamu'alaikum dan Salam Sejahtera. Tuan/Puan, Mohon kerjasama tuan/puan agar dapat kiranya berkongsi pautan tinjauan pelaksanaan Kurikulum Persekolahan 2025 berikut kepada semua PPD and semua guru serta ibu bapa supaya kami KPM, boleh mendapatkan <b>feedback</b> maklum balas dan pandangan daripada mereka semua. Semua feedback <b>and</b> pandangan daripada mereka dan tuan/puan sendiri amatlah diharapkan serta dihargai dan akan membantu kami dalam menggubal kurikulum masa hadapan. Perhatian dan usaha tuan/puan dalam hal ini kami dahului dengan ucapan terima kasih. Salam Hormat and <b>Tqvm.</b>		
<b>Responden</b>	<b>Bahasa Inggeris</b>	<b>Bahasa Melayu</b>	
Responden	Feedback, Tqvm, and	Maklum balas, dan Terima kasih banyak-banyak	
Instrumentalities (Bentuk bahasa/ kod)	Urusan penghantaran pesanan berlaku aplikasi dalam Telegram. Bentuk perbualan dalam urusan rasmi.		

'Instrumentalities' merujuk kepada bentuk bahasa dan kod atau cara perbualan yang digunakan. Urusan penghantaran maklumat berlaku dalam aplikasi Telegram berkaitan 'Tinjauan Pelaksanaan Kurikulum Persekolahan 2025'. Berlaku fenomena bahasa rojak seperti pelanggaran hukum tatabahasa dan percampuran kod. Struktur ayat bahasa Melayu diabaikan untuk mengikuti struktur bahasa asing seperti bahasa Inggeris, menyebabkan ayat menjadi cacat. Terdapat unsur bahasa Inggeris diselitkan dalam struktur ayat bahasa Melayu. Bahasa Inggeris digunakan sebagai bahasa sisipan, menjadi budaya masyarakat pengguna dalam media komunikasi sosial. Terdapat penggunaan perkataan bahasa Inggeris seperti feedback dan tqvm dalam penghantaran teks. Berlaku peralihan kod, iaitu penutur menukar kod bahasa secara drastik daripada satu bahasa ke bahasa lain dalam perbualan yang sama. Dell Hymes (1985), dalam teori model Speaking, memberi pandangan bahawa bahasa boleh digunakan dengan kreatif, tetapi perlu berwaspada penggunaannya selaras dengan peraturan bahasa seperti situasi, tujuan, bentuk bahasa itu digunakan.

#### vii. N-Norms-Peraturan / Cara

**Jadual 8**

*Bahasa Inggeris -Makna / kata sebenarnya dalam Bahasa Melayu (Norms)*

N	Norms / peraturan	Merujuk kepada norma atau peraturan dalam berinteraksi dan juga pentafsiran perbualan dari kedua pihak. (cara bertanya)
---	-------------------	---

<b>Responden</b>	<b>Penggunaan Bahasa Inggeris</b>	
Responden 1	Salam Sejahtera Perhatian kpd semua guru.. mohon <b>update</b> kandungan eRPH ...sehingga ke minggu 7.Pihak <b>Admin</b> akn mengemaskini semua kandungan erph dan akn di <b>DOWNLOAD</b> untuk data 2025. Dgn ini pihak Admin memberi tempoh sehingga 30/3/2025 untuk kerja2 updated... selepas tarikh tersebut kami akan tutup <b>link</b> Penghantaran... suka kami nasihatkan supaya cikgu dpt simpan sendiri semua fail erph dlm <b>MYDRIVE</b> cg2 @ <b>download</b> ke komputer cg2.. sebgai <b>backup</b> <b>Tqvm</b> .	
<b>Responden</b>	<b>Bahasa Inggeris</b>	<b>Bahasa Melayu</b>
Responden	Update, Download, Mydrive, Backup, admin, tqvm	Kemaskini, Muatnaik, Dalam ruangan, Dalam simpanan,, pengurusan, terima kasih banyak-banyak
Norms/ Peraturan	Cara berinteraksi dan juga penafsiran perbualan dari kedua pihak.	

Norma dan peraturan merujuk kepada cara berinteraksi dan juga penafsiran perbualan dari kedua pihak. Responden merupakan guru data, dan beliau meminta agar semua guru melengkapkan 'Rancangan Pelajaran Harian' sebelum 30.3.2025. Terdapat perkataan bahasa Inggeris seperti update,download, mydrive, backup, admin dan tqvm digunakan dalam komunikasi pemakluman. Berlaku fenomena linguistik bahasa rojak, iaitu peminjaman kata dan percampuran kod. Unsur bahasa Inggeris diselitkan ke dalam struktur ayat dan mengambil kata atau istilah daripada bahasa asing dan menyesuaikannya ke dalam penulisan penghantaran teks. Walaupun penggunaan ini memudahkan komunikasi dan menunjukkan identiti sosial, terdapat keperluan untuk menyeimbangkan antara praktikaliti dan ketepatan bahasa. Dengan itu perlu ada kesedaran tentang penggunaan bahasa yang tepat dan formal, khususnya dalam konteks akademik dan profesional, tanpa mengabaikan keberkesanan komunikasi harian.

### viii. G-Genres (Jenis Bentuk Penyampaian)

#### Jadual 9

*Bahasa Inggeris - Makna / kata sebenarnya dalam Bahasa Melayu (Genres)*

G	Genres	Merujuk kepada jenis bentuk penyampaian.(bentuk sajak, puisi, pepatah, doa dan sebagainya)
<b>Responden</b>	<b>Penggunaan Bahasa Inggeris</b>	
Responden 1	Assalamualaikum dan selamat sejahtera Penghantaran Dan Semakan RPH Kali Pertama sesi 2025/2026. Mohon semua guru menghantar rph (minggu 1 dan minggu 2) bersama senarai semak: e RPH <b>softcopy (google drive)</b> Dan <b>print hardcopy</b> atau RPH dalam bentuk fail atau RPH dalam bentuk buku rekod. Mengikut ketetapan berikut :  Tarikh : 6/3/26 ( Jumaat) Masa : Sebelum jam 6.40 <b>pm</b> Tempat : pejabat sekolah Kerjasama dari semua amat dihargai. Terima kasih	
<b>Responden</b>	<b>Bahasa Inggeris</b>	<b>ahasa Melayu</b>
Responden	Softcopy, Print, Hardcopy, Google drive, Pm	Salinan lembut, cetak, Salinan keras, Alat input google, Petang
G-Genres	Jenis dan bentuk penyampaian penghantaran maklumat merupakan pemakluman.	

Jenis penyampaian penghantaran pesanan adalah dalam bentuk makluman. Diberi satu garis panduan untuk ‘Penghantaran dan Semakan Rancangan Pelajaran sesi 2025/2026’. Fenomena linguistik bahasa rojak jelas kelihatan, iaitu percampuran kod, peralihan kod dan peminjaman kata Inggeris dalam aplikasi Telegram. Keadaan ini menunjukkan situasi percampuran kod antara bahasa matriks dan bahasa sisipan. Dalam konteks di atas, bahasa Melayu merupakan bahasa matriks atau bahasa utama, manakala bahasa Inggeris merupakan bahasa sisipan kerana penggunaannya adalah lebih sedikit berbanding bahasa Melayu. Antara contoh penggunaan bahasa Inggeris sebagai bahasa sisipan tersebut ialah: softcopy, google drive, print dan hardcopy.

## 5. Kesimpulan

Generasi muda dan para pendidik perlu menggunakan bahasa Melayu dengan betul dalam kehidupan seharian dan jangan sesekali terpengaruh dengan bahasa di media sosial. Fenomena linguistik bahasa campur atau bahasa rojak yang banyak digunakan di media sosial akan merosakkan bahasa Melayu. Faktor kewujudan kelainan bahasa adalah disebabkan oleh perbezaan latar belakang pendidikan, jenis pekerjaan dan kedudukan sosio ekonomi penutur. Penggunaan variasi bahasa seperti penggunaan campur kod dan alih kod, singkatan serta, bahasa rojak, slanga dilihat sangat ketara dalam media sosial. Hal ini telah memberi implikasi terhadap bahasa Melayu dan pengguna bahasa.

Penggunaan unsur bahasa Inggeris dalam komunikasi bahasa Melayu wajar diberikan perhatian yang serius kerana fenomena ini berpotensi menjejaskan keaslian dan kegramatisan bahasa Melayu standard. Dalam konteks komunikasi digital, Dell Hymes (1985) menekankan bahawa penggunaan bahasa dalam sesuatu ruang komunikasi berkait rapat dengan kreativiti, kecekapan dan kompetensi komunikatif pengguna bahasa dalam menyampaikan maklumat. Melalui pengenalan teori model *SPEAKING* dan konsep kompetensi komunikatif, Dell Hymes (1985) menjelaskan bahawa keberkesanan komunikasi bukan sahaja bergantung pada penyampaian mesej, malah turut melibatkan kesesuaian penggunaan bahasa berdasarkan situasi dan norma sosial. Namun demikian, hasil analisis kajian mendapati bahawa bentuk bahasa yang digunakan dalam aplikasi Telegram sering kali tidak menepati sistem tatabahasa Melayu standard. Fenomena ini jelas memperlihatkan penggunaan bahasa rojak yang melibatkan percampuran bahasa Melayu dengan bahasa Inggeris dalam satu struktur ayat atau penghantaran teks.

Bahasa rojak merupakan salah satu fenomena linguistik yang semakin lazim berlaku dalam masyarakat Malaysia, khususnya dalam komunikasi media sosial dan komunikasi digital. Fenomena ini dicirikan oleh pencampuran pelbagai bahasa dalam satu bentuk pertuturan atau penulisan sehingga mengaburkan identiti dan ketulenan bahasa Melayu. Perkembangan globalisasi dan liberalisasi bahasa yang semakin pesat telah meletakkan bahasa Melayu dalam suatu cabaran yang besar untuk terus bertahan sebagai bahasa ilmu, bahasa komunikasi dan bahasa identiti bangsa di tanah air sendiri. Oleh itu, usaha memartabatkan dan memelihara bahasa Melayu perlu diperkukuh agar bahasa ini terus kekal relevan serta diwarisi oleh generasi akan datang sebagai lambang tamadun dan jati diri bangsa.

## Penghargaan

Artikel ini merupakan sebahagian daripada dapatan penyelidikan yang bertajuk ‘Penggunaan Bahasa Melayu Sebagai Komunikasi Sosial dalam Telegram’.

## Rujukan

- Abdullah Hassan, Hasnah Ibrahim & Mashudi Kader (1989). *Kesalahan Bahasa Dalam Bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abd. Ganing Laengkang (2013). *Bahasa rojak; Kajian kes Terhadap Penulisan Surat – menyurat di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor*.
- Amir Rashad Mustaffa (2024). Pemartabatkan bahasa Melayu melambangkan nilai dan identiti Malaysia, *Jurnal Dewan Bahasa dan Pustaka*.
- Awang Sariyan (1999). Pendidikan Bahasa Melayu di Malaysia: Dari Tradisi ke Reformasi dalam *Jurnal Dewan Bahasa, MBMMBI*, Unit Komunikasi Korporat, Kementerian Pendidikan Malaysia, Jilid 43 Bil 10.

- Awang Sariyan (2021). Sikap pengendali media sosial antara punca Bahasa Melayu Rosak, *Jurnal Dewan Bahasa dan Pustaka*. Kementerian Pendidikan Malaysia, Jilid 43 Bil 10.
- Charanjit Kaur & Jessica Ong Hai Liaw (2025). Bahasa Melayu dalam Ekosistem Digital ASEAN, kelestarian Warisan dan Tranformasi Global. : [https:// www.researchgate.net](https://www.researchgate.net)
- Garfinkel, H. (1986). Remarks on ethnomethodology. In *Directions in sociolinguistics: The ethnography of Communication*, edited by Gumperz, J.J & Hymes, D., 301-324 .New York: Basil Blackwell.
- Hishamudin Isam. (2025) Algospeak dan Kebebasan Bersuara: Strategi Linguistik dalam Menangani Penapisan Algoritma di Media Sosial X. *Jurnal Linguistik*, 29 (2), 55-66.
- Hymes, DH. (1974). Ways of Speaking. In R.Bauman & J. Sherzer (Eds.), *Exploration in The ethnography of speaking Cambridge University Press*, pp.433-452.
- HS. Paterson (& C.O. Blagden), An early Malay Inscription from 14th-century Terengganu , *Journal. Malaysia. Br.R.A.S., II, 1924*, pp. 258-263.
- Jessica Ong Hai Liaw pada (2024). Era Pembelajaran Digital: Martabatkan Bahasa Melayu dan memperkukuhkan Bahasa Inggeris (MBMMB) dan satu murid.
- Jessica Ong Hai Liaw (2024) Era Pembelajaran Digital: Martabatkan Bahasa Melayu merupakan kajian mengenai ‘Malaysia MADANI’ yang mewakili enam rukun iaitu M (keMampanan), A (kesejAhteraan), D (Daya cipta), A (hormAt), N (keyakiNan) dan I (Ihsan)
- Kartini Abd Wahab (2018). Ciri dan Fungsi Komunikatif Bahasa Melayu: *Penerbit Media Sosial. Jurnal Komunikasi*, 34 (4), 58-74.
- Muhammad Aiman bin Abd. Aziz (2024). Implikasi Penggunaan Variasi Bahasa dalam Media Sosial terhadap bahasa Melayu.
- Mohd Syuhaidi Abu Bakar dan Alifluqman Mohd Mazzalan (2018). Mengenai Aliran pertuturan bahasa rojak dalam kalangan pengguna Facebook di Malaysia *e-Academia Journal*, 7 (1), 62-71.
- Nor Hashimah Jalaluddin, Imran Ho Abdullah & Idris Aman, Korpus Bahasa SMS: Antara kreativiti dan Ancaman kepada bahasa, *In Linguistik Teori dan Aplikasi*.
- Othman Sulaiman. (2000). Malay for everyone. Selangor: *Pelanduk Publications (M) Sdn. Bhd.*
- Peyona Mokhtar (2025). Pengaruh media sosial terhadap penguasaan Bahasa Melayu dalam kalangan Masyarakat, *Dewan Bahasa dan Pustaka :Jendela DBP*.
- Saidatul Khatijah Binti Ismail (2021). berkaitan ‘Penggunaan bahasa rojak dalam aplikasi sosial sebagai komunikasi dalam kalangan pelajar Asasi Komunikasi, Pusat Matrikulasi, Kolej Universiti Antarabangsa Selangor (KUIS).
- Salinah Ja’afar, Maslida Yusoff, Rusmadi Baharuddin, Karim Harun & Zaitul Azma Zainon Hamzah (2024). Kreativiti dan Impak Komunikasi Digital dalam Kalangan Generasi Z.
- Subyan Hussin (2017). edited by NorHashimah Jalaludin, Imran Ho Abdullah & Idris. Korpus Bahasa SMS:antara kreativiti dan ancaman kepada Bahasa. In *Linguistic Teori dan Aplikasi, Bangi Penerbit UKM*.258-277.
- Wan Robiah Hj. Meor Osman, and Chong Shin (2023). Kedinamikan Bahasa Melayu di Ambang perkembangan Media dalam Talian dari Perspektif perubahan Makna.
- Zainal Abidin Ahmad. (2000). Pelita Bahasa Melayu Penggal I - III Edisi *Baharu. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur*.

#### **Biodata Penulis:**

**Amirtham A/P Harikrisnan** ialah calon PhD dalam bidang linguistik gunaan di Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.

Alamat email: [amirthamteacher@gmail.com](mailto:amirthamteacher@gmail.com)

**Profesor Dr. Salinah Binti Ja’afar**, penyelar Program Sarjana Muda Linguistik Melayu, Akademi Pengajian Melayu. Universiti Malaya

Alamat email: [b1salina@um.edu.my](mailto:b1salina@um.edu.my)

**Dr. Mardian Shah Bin Omar** Pensyarah Kanan, Jabatan Linguistik Melayu, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.

Alamat email: [mardianso@um.edu.my](mailto:mardianso@um.edu.my)